

DEMONSTRASI... Anggota polis yang terlibat ketika membuat demonstrasi menembak secara meniarap.

(Kiri) **SUKSIS...** Para pelatih Kor-suksis lelaki bergambar bersama Kasim (tengah).



POLIS... Antara anggota polis yang bertugas semasa latihan itu.



TEKNIK... Teknik menembak meniarap antara teknik yang diajar kepada pelatih.

Kor-suksis UMS jalani latihan menembak senjata M-16



BAGI memberi pendedahan awal tentang penggunaan senjata api jenis M-16 dengan betul, seramai 80 Kor Sukarelawan Siswa-Siswi Polis (Suksis) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalani latihan menembak di Lapang Sasar Sipitang.

Menurut Ketua jurulatih Suksis UMS, Sarjan Mejar Murugaiyah A/L Doraysamy, mereka yang terlibat dalam aktiviti itu merupakan pelajar tahun dua sesi 2009/2010 termasuk 50 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan.

Beliau menjelaskan, ia adalah program tahunan bagi Suksis dan semasa latihan itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar



TURUT SERTA... Sebahagian pelatih Kor-suksis yang terlibat dalam aktiviti latihan menembak.

dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Kasim Haji Mansor turut serta dalam memberi sokongan kepada pelajar yang terlibat.

"Para pelajar dibahagikan kepada lapan kumpulan yang mana setiap kumpulan dianggotai seramai 10 orang ahli dan mereka dibekalkan dengan 25 butir peluru," katanya.

Murugaiyah berkata, 25 butir peluru berkenaan dipecahkan kepada tiga teknik menembak asas termasuk teknik meniarap,

dan duduk dan menembak secara sendiri.

"Apa yang menarik sepanjang latihan ini berlangsung, semangat setiap pelatih begitu menyerlah terutamanya pelatih perempuan dalam menunjukkan bakat masing-masing untuk menembak," katanya.

Tambahnya, anggota polis yang bertanggungjawab menjaga para pelatih turut menunjukkan keprihatinan dan tunjuk ajar tentang cara penggunaan senjata api jenis

M-16 dengan betul.


Beliau berkata, sebelum sesi latihan dimulakan, para pelatih ditunjukkan demonstrasi terlebih dahulu tentang teknik memegang dan meletakkan senjata serta melepaskan peluru ke arah sasaran yang tepat.

"Sasaran tembakan pada latihan ini sejauh 100 meter yang mana kecekapan dan ketelitian yang tepat perlu ada pada setiap pelatih agar tembakan yang dilepaskan menepati sasaran," jelasnya.

Selain itu katanya, ada dari kalangan pelatih kelihatan gementar sebelum memegang senjata dan ada yang sedikit kecewa apabila kurang berjaya melepaskan tembakan tepat pada sasaran.

Namun, ada juga antara mereka yang tenang dan bersahaja seolah-olah telah biasa menggunakan senjata api berkenaan dan secara keseluruhannya, kebanyakan pelatih berjaya memberikan tembakan yang baik.

"Apa yang jelas, kesemua pelatih yang terlibat semuanya memberikan kerjasama yang baik dan menunjukkan disiplin yang



SEMANGAT... Walau kelihatan penat namun terpancar kepuasan pada setiap wajah pelatih Kor-suksis ini.

cemerlang semasa latihan dijalankan," katanya.

Sementara itu, salah seorang pelatih yang terlibat, Patimang Abdul Ghani, berkata walaupun mempunyai pengalaman menembak menggunakan senjata jenis M-16 semasa mengikuti kadet polis sekolah, latihan kali ini tetap memberi cabaran

kepadanya.

"Saya begitu bersemangat untuk menyertai latihan ini dan saya berharap tembakan kali ini lebih baik dari pengalaman sebelum ini," katanya.

Sebelum latihan berakhir, para pelatih perlu mengangkat sumpah bagi memastikan tidak ada seorang pun pelatih

mengambil peluru atau apa-apa senjata yang digunakan sepanjang latihan.

Kesemua pelatih menunjukkan kepuasan dan keseronokan mengikuti latihan berkenaan tanpa berlaku sebarang kecuaiian yang tidak diinginkan dan berharap pada masa akan datang mereka berpeluang lagi untuk menyertainya.



TEMBAK... Teknik menembak berdiri turut diajar oleh petugas.